

08/03/2003

Sultan aktif tingkat taraf hidup rakyat

Minarni Mat Saad

SYED Budriz Putra Jamalullail adalah antara anakanda saudara yang paling rapat dengan Sultan Sharafuddin Idris Shah. Beliau juga adalah anakanda saudara kepada Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. Syed Budriz adalah anak kepada Syed Amir Putra Jamalullail iaitu adik kepada Tuanku Syed Sirajuddin dan Tengku Puteri Zahariah yang lebih mesra dengan panggilan Ku Yah, adik kepada Sultan Sharafuddin.

Ketika ditemui di Istana Kayangan, Shah Alam, baru-baru ini, Syed Budriz mengakui beliau mungkin kelihatan rapat dengan Selangor kerana menetap di

Selangor dan juga menjawat jawatan Orang Besar Istana. Bagaimanapun, katanya, beliau sentiasa berusaha untuk pulang sesekali ke Perlis menemui

saudara-mara di sana dan sejak Tuanku Syed Sirajuddin menetap di Kuala Lumpur. Hubungannya dengan Sultan Sharafuddin semakin erat dan beliau sering kali cuba melapangkan diri untuk menemani ayahanda saudaranya bersembahyang Jumaat.

Ketika diminta bercerita mengenai Sultan Sharafuddin, Syed Budriz memberitahu, lebih menarik jika menceritakan mengenai kedua ayahanda saudaranya kerana kedua mereka mempunyai keistimewaan dan membesar dalam generasi yang sama, mempunyai umur dan menjalani kehidupan yang sama.

Bagi Syed Budriz, beliau amat mengagumi ketokohan dan kewibawaan kedua ayahanda saudaranya bukan saja sebagai seorang Sultan tetapi bapa dan insan yang berhati mulia.

Ikuti coretan Syed Budriz mengenai kedua ayahanda saudara beliau dan bagaimana beliau melihat keduanya sebagai Sultan tetapi dalam masa sama ingin melalui kehidupan seperti orang lain juga.

"Apabila diminta wartawan untuk ditemubual sempena Hari Kemahkotaan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, terlintas di fikiran saya

untuk memperkatakan mengenai baginda dan seorang lagi ayahanda saudara saya iaitu Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Ini kerana kedua ayahanda saudara saya itu mempunyai ciri-ciri persamaan yang menarik dan boleh dianggap sesuatu yang menakjubkan walaupun ia berlaku secara kebetulan.

Saya berasakan keistimewaan mereka ini sesuai untuk diperkatakan bersempena Hari Kemahkotaan Sultan Selangor yang dianggap bukan saja hari

penuh bersejarah bagi Baginda tetapi juga seluruh rakyat jelata yang julung kali dapat menyaksikan upacara bersejarah seperti ini.

Tuanku Agong menjadi Raja Muda Perlis pada 30 Oktober 1960 manakala Sultan Sharafuddin menjadi Raja Muda Selangor pada 3 September 1960. Mereka dilantik pada tahun yang sama dan hanya sebulan sahaja jaraknya.

Persamaan antara mereka tidak berakhir di situ saja. Tuanku Agong ditabalkan sebagai Raja Perlis pada 7 Mei 2001 manakala Sultan Sharafuddin

dimasyurkan sebagai Sultan Selangor pada 21 November 2001. Kedua-dua

mereka menjadi Sultan dalam tahun yang sama. Secara kebetulan, sebenarnya kedua ayahanda saya ini mempunyai mempunyai hubungan yang sangat rapat dan menjadi semakin erat apabila Tuanku Agong kini berada di Kuala Lumpur.

Kedua mereka dilantik sebagai Raja Muda ketika remaja (15 tahun) dan melalui tempoh 40 tahun sebelum mewarisi takhta. Sekiranya mereka tidak ditakdirkan untuk lahir sebagai Raja, saya yakin dan percaya mereka akan tetap menjadi ketua dengan cara yang lain kerana Tuanku Agong dan Sultan Sharafuddin memang mempunyai ketokohan sebagai pemimpin.

Saya berasakan sedemikian kerana mereka dianugerahkan kelebihan untuk membuatkan orang ramai berasa senang dengan kehadiran mereka dan paling penting mereka mahu dilihat oleh rakyat sebagai seorang ketua yang hebat dan berwibawa.

Daripada pemerhatian saya, mereka dibesarkan menjadi orang yang rendah diri dan mudah didekati, malah kalau boleh mahu melakukan sesuatu dengan sendiri tanpa protokol. Itu tidak mustahil bagi mereka.

Adalah sukar untuk menjadi seorang Sultan kerana banyak pengorbanan perlu dibuat tetapi lebih sukar menjadi Agong kerana Baginda mewakili negara dan dipandang sebagai imej Malaysia pada kacamata dunia.

Saya melihat perkara ini ketika menemani mereka ke majlis rasmi yang mana sebenarnya mereka lebih mudah dan berasa selesa sekiranya dilayan sebagaimana orang lain, sedangkan itu tidak akan berlaku kerana mereka adalah orang yang istimewa.

Sebagai Raja, mereka menjadi perhatian ramai, disanjung, dihormati dan dipandang tinggi dalam masyarakat malah kehidupan peribadi mereka hampir tidak wujud. Pernah suatu ketika, Tuanku Agong berkata kepada saya; "Jangan ingat tempat kita ini lebih menarik kerana sebenarnya tempat di luar sana lebih menarik."

Kini kedua mereka menjalani kehidupan sebagai Sultan di zaman moden yang

jauh berbeza dengan pemerintahan pada zaman ayahanda mereka. Namun, mereka

masih tetap mengekalkan tradisi diraja. Sultan pada generasi terdahulu mengekalkan kedudukan kerana rakyat tetapi bagi Sultan hari ini, rakyat mahu lebih dari itu, malah mereka mahu Sultan yang lebih mudah didekati dan memahami masalah mereka di zaman moden.

Generasi hari ini mahu Sultan mudah dihubungi. Tuanku Agong dan Sultan Selangor menyedari sepenuhnya apa yang diharapkan oleh rakyat kepada mereka.

Berbanding zaman dahulu, Sultan tidak mempunyai akses yang mudah kepada dunia luar. Hari ini, mereka hidup dalam dunia yang tiada sempadan dan kedua ayahanda saudara saya seperti anda dan saya, tidak ketinggalan melayari internet dan mereka sangat berminat untuk mengetahui setiap isu yang bergolok di dunia. Lebih menarik dan melucukan mereka berdua membawa telefon bimbit sendiri dan jangan ingat mereka tidak tahu menghantar SMS.

Mereka tahu berbuat demikian.

Sikap moden dan terbuka mereka dapat dilihat dengan cara mereka mendidik anak-anak mereka. Bagi Tuanku Agong dan Sultan Sharafuddin, mereka percaya

anak-anak perlu menerima pendidikan terbaik dan meneruskan kerjaya yang produktif agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dunia moden, tanpa mengira kedudukan mereka di istana.

Apa yang saya belajar secara peribadi daripada mereka ialah kita perlu bersikap rendah diri dan mencapai kerjaya cemerlang dengan cara sendiri. Mereka juga menekankan kepada saya pentingnya hidup berkeluarga dan mengingatkan saya supaya menjadi manusia yang merendah diri.

Mengenai komitmen mereka kepada negeri, kedua mereka membabitkan diri secara aktif dalam meningkatkan pembangunan dan taraf hidup rakyat di negeri masing-masing dengan penuh tanggungjawab.

Mereka bekerja rapat dengan pegawai kerajaan dan sentiasa bertukar pandangan untuk kebaikan rakyat. Saya yakin kedua-dua ayahanda saudara saya sudah cukup menyediakan anak mereka, iaitu Raja Muda untuk meneruskan kesinambungan yang sudah dibina.

Ini dilihat melalui komitmen Raja Muda Selangor, Tengku Amir yang walaupun baru berusia 12 tahun sudah menyumbangkan pendapatannya kepada Tabung Yayasan Raja Muda Selangor sehingga berusia 21 tahun.

Tabung Diraja yang seumpama itu ditubuhkan di negara ini diilhamkan oleh Sultan Sharafuddin untuk membantu remaja berbakat mendapat pembiayaan kewangan bagi mengembangkan bidang yang mereka minati, termasuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Saya percaya Tuanku Agong dan Sultan Sharafuddin sedang membina laluan kepada Raja Muda untuk mencontohi kepimpinan mereka. Mungkin contoh terbaik yang mereka tunjukkan membuktikan bahawa anak Raja juga menyumbang kepada aspirasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Inshaallah. - Syed Budriz Putra Jamalullail.